

# Dr. M kecewa prestasi peniaga bumiputera

UM 4 OCT 2001

**P**ETALING JAYA 3 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan kecewa dengan prestasi bumiputera dalam bidang perniagaan dan perusahaan walaupun banyak peluang telah dicipta untuk meningkatkan kemajuan mereka.

Perdana Menteri menarik perhatian bagaimana kerajaan pernah menyediakan lesen membeli kereta import (AP) kepada bumiputera tetapi malangnya kemudahan itu disalahgunakan dengan menjulkannya kepada orang lain terutama bukan bumiputera.

Sebaliknya, hanya beberapa orang bumiputera sahaja yang telah ber-sungguh-sungguh memanfaatkan kemudahan AP berkenaan, antaranya Naza Motors Sdn. Bhd. yang diasaskan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Naza, Tan Sri Nasimuddin SM Amin.

Nasimuddin, kata beli-

au, bukan sahaja tidak menjual AP kepada orang lain tetapi turut membeli AP daripada bumiputera lain.

“Keuntungan daripada import penjualan kereta terpakai ini satu ketika amatlah tinggi tetapi malangnya ramai bumiputera yang meminta lesen AP untuk (beli) kereta yang dibaikpulih ini tidak menjual kereta sebaliknya menjual AP kepada orang lain.

## Kerajaan

“Walaupun mereka mendapat sedikit keuntungan tetapi ia menggagalkan usaha kerajaan ini untuk melibatkan bumiputera dalam perniagaan motor,” katanya ketika melancarkan model kereta terbaru, Spectra Kia yang bahan komponennya dipasang di negara ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo dan Naib Pengerusi Syarikat Hyundai

Motor dan Kia Motors Corporation, B.J. Park.

Menurut Dr. Mahathir, Naza Motors telah berusaha dengan gigih dalam perusahaan kereta dan pernah satu ketika mengimport kereta Mercedes Benz yang dibaikpulih untuk dijual semula ke Eropah.

Katanya, walaupun ia membawa masalah kepada syarikat tersebut, komitmen itu telah menunjukkan keberanian Nasimuddin untuk menerokai lebih jauh perusahaan berkenaan.

“Saya harap beliau akan menjadi contoh kepada orang lain,” katanya.

Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa kerajaan ketika ini menghadapi masalah kerana tidak ada bumiputera yang mempunyai perniagaan di banyak bandar baru yang tumbuh ‘bagai cendawan selepas hujan’ di negara ini.

Ekoran itu, kata beliau, kerajaan telah memper-

kenalkan projek Prosper yang memberi peluang kepada bumiputera menyertai perniagaan runcit agar mencerminkan kepelbagaian kaum dalam perniagaan.

“Kita tidak begitu mencapai kejayaan kerana ramai yang berminat pada awalnya, kemudian mendapati perniagaan ini memerlukan latihan dan pengurusan kewangan.

“Namun demikian kita akan berusaha meneruskan Prosper ini supaya

perniagaan francais berkembang di bandar-bandar baru,” katanya.

Perdana Menteri turut menyeru syarikat-syarikat automotif Korea supaya meneroka lebih jauh dan bukan sekadar menjual kereta buatan masing-masing di negara ini.

Perdana Menteri mahu syarikat-syarikat tersebut supaya turut melabur dalam pembuatan komponen automotif secara usaha sama dengan syarikat tempatan.

Menerusi cara itu, katanya, sektor automotif Malaysia akan memperoleh faedah daripada skim pembuatan Korea dan dapat mengeluarkan kereta yang murah, berkualiti tinggi dan kompetitif.

Tambahnya, usaha sama seperti itu bukan sahaja boleh digunakan bagi memenuhi keperluan automotif Malaysia tetapi juga negara lain di rantau ASEAN.

Perdana Menteri turut memuji projek usaha sa-

ma yang telah dijalankan antara Naza Motors dan Kia di negara ini dan berharap syarikat tempatan tersebut akan turut membuka ruang kepada usahawan bumiputera lain dengan menawarkan peluang bagi memasarkan kereta-kereta Kia.

Dr. Mahathir berkata, beliau kagum dengan daya ketahanan rakyat Korea yang lasak dan seterusnya muncul sebagai salah kuasa ekonomi di dunia.